



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ;
KEWAJIPAN MENGUNDI
DALAM PILIHANRAYA



ISLAMIC - SALVOUR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"KEWAJIPAN MENGUNDI DALAM PILIHANRAYA". 1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى عَالِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga dengan demikian, kita akan terus diberi petunjuk, dipimpin dan dinaungi rahmat dan reda Allah SWT.</p>	5
<p>Khutbah kita pada hari ini bertajuk "KEWAJIPAN MENGUNDI DALAM PILIHANRAYA."</p>	6



Dalam sistem politik hari ini, konsep khalifah dan pilihanraya, syariat memberikan hak saksama kepada rakyat memilih pemimpin. Penyertaan pilihanraya itu sendiri merupakan suatu kewajipan. Tujuan pilihanraya adalah untuk memastikan urusan umat diputuskan mengikut undang-undang dan mewujudkan peluang kepada semua untuk ikut serta dalam proses membuat keputusan. Sistem demokrasi itu sendiri adalah timbul dari perinsip syura.

7

Firman Allah SWT dalam Surah al-Shura ayat 38:

وَأْمُرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ

8

"...dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka..."

Disebabkan penyertaan umat secara keseluruhan tidaklah praktikal, maka dilaksanakan konsep perwakilan, iaitu memilih wakil di Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat atau parlimen, manakala parlimen bertanggungjawab mentadbir negara. Sistem perwakilan ini adalah diterima Syarak berdasarkan sunnah Nabi secara Qauliyyah (perkataan) dan fi'liyyah (perbuatan). Umat Islam mesti memilih wakil mereka yang akan melaksanakan kuasa politik di negara ini. Umat Islam adalah kumpulan majoriti di negara ini, di pundaknya adalah kuasa bagi menyerahkan kuasa politik kepada individu Islam atau golongan dalam masyarakat yang diyakini akan menjaga agama Islam dan umat Islam. Maka hak memilih pemimpin adalah kewajipan agama.

9



Esok adalah hari mengundi. Beberapa nasihat syarak kepada para pemilih seperti berikut:

1. Setiap rakyat Malaysia yang telah cukup umur untuk mengundi wajib memainkan peranannya dengan keluar mengundi, kerana dewan perlimen memiliki kuasa bagi menentukan ketetapan dalam pelbagai masalah. Oleh itu pastikan wakil yang kita pilih dan pangkah ialah calon yang bermanfaat bagi kebaikan kita dan menjauhkan kita daripada pelbagai bahaya yang akan menimpa atau kerosakan yang mungkin berlaku kepada diri, agama dan negara. Untuk itu kita mesti mengangkat orang-orang yang berkelayakan, yang akan membuat ketetapan demi menjamin kemaslahatan dan mengelakkan kerosakan sebagaimana kaedah fiqh:

10

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

"Menolak kemudaratan itu lebih utama daripada mendapatkan masalah".

11

2. Pengundi wajib memilih orang yang memiliki kelayakan iman, ilmu dan akhlak. Apatah lagi pengundian merupakan persaksian yang akan dipertanggungjawabkan pada hari kiamat.

"...dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata..."

12

3. Firman Allah SWT dalam surah al-Talaq ayat 2:

وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ

"...dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata..."

13



4. Tidak memilih calon yang mewakili parlimen seorang Muslim yang memiliki sifat melakukan maksiat secara terang-terangan memusuhi Allah, Rasul dan orang beriman.	14
Ada beberapa kaedah memilih wakil: Kaedah pertama: Memilih orang yang paling berkelayakan. Menurut Islam ialah yang paling bertakwa dan mampu memikul tanggungjawab wakil rakyat, komitmen dengan kewajipan agama dan meninggalkan perkara-perkara haram.	15
Kaedah kedua: Memilih orang yang paling ringan bahayanya diantara dua orang yang berbahaya,	16
sesuai dengan Kaedah fiqh yang menegaskan: إِذَا تَعَارَضَ مَفْسَدَتَانِ رُوعِيْ أَعْظَمُهُمَا ضَرَرًا بِارْتِكَابِ أَخْفَاهُمَا	17
<i>"Apabila bertembungnya dua mafsadah (kerusakan), maka dipelihara (ditolak) mudarat yang paling besar dengan melakukan mudarat yang lebih ringan."</i>	
Kaedah ketiga: Seorang pengundi tidak boleh mengubah pilihannya daripada memilih calon yang lebih layak kepada calon yang kurang layak dengan dorongan fanatisme, hubungan keluarga atau kepentingan tertentu. Sekiranya ini dilakukan, bererti dia mengkhianati Allah dan Rasul SAW.	18



<p>Seorang pemimpin Islam wajib sentiasa berjuang membela rakyat, sentiasa membahagiakan rakyat dan mengurus mereka dengan lemah lembut, sentiasa bersikap adil dan kasih sayang kepada rakyatnya. Dia hendaklah menjadi pelindung dan pembela rakyat yang lemah dan sentiasa memimpin rakyat ke jalan kebenaran dan menegakkan sunnah.</p>	19
<p>Kezaliman pemimpin akan membinasakan rakyat. Apabila pemimpin tidak amanah, dia akan membinasakan orang ramai.</p>	20
<p>Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِذَا وُسِّدَ الْأَمْرُ إِلَىٰ غَيْرِ أَهْلِهِ فَانْتَظِرِ السَّاعَةَ</p> <p><i>"Apabila diserahkan urusan kepada orang yang bukan ahlinya, maka tunggulah berlakunya kiamat."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	21
<p>Hakikatnya, jika dilantik pemimpin yang zalim, bukan sahaja pemimpin itu yang akan dipertanggungjawabkan, tetapi rakyat yang membuat pilihan dan mandat juga akan ditanya dan dipersoalkan kenapa tugas kepimpinan itu diberikan kepada mereka yang tidak jujur dan amanah.</p>	22
<p>Menurut Hasan al Basri: <i>"Imam yang adil sebagai penegak tiap-tiap yang condong, memperbaiki tiap-tiap yang rosak, menguatkan tiap-tiap yang lemah, membela tiap-tiap yang teraniaya dan melindungi tiap-tiap yang susah."</i></p>	23



<p>Pemimpin mestilah adil dan tidak fasiq, dan dipilih daripada orang yang mempunyai sejarah hidup dan akhlak yang baik. Mereka mestilah orang yang berilmu dan berpengetahuan tentang syariat Islam. Mereka sepatutnya boleh berijtihad.</p>	24
<p>Mengundi adalah satu kewajipan bagi umat Islam. Ia adalah untuk membentuk pemerintahan yang bertanggungjawab. Jika mereka gagal, maka kepentingan orang mukmin terabai. Umat Islam mesti melaksanakan perundangan dan permuafakatan. Pilihanraya adalah cara yang penting bagi memenuhi kewajipan ini.</p>	25
<p>Demikian perinsip memilih wakil rakyat atau perlimen adalah suatu kewajipan berdasarkan kaedah fiqh:</p> <p style="text-align: center;">مَا لَا يَتِمُّ الْوَجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ</p> <p><i>"Sesuai yang tidak sempurna kewajipan melainkan dengannya, maka ia menjadi wajib."</i></p>	26
<p>Mengakhiri khutbah kita pada hari ini, marilah kita ambil beberapa tausiah untuk renungan kita bersama:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib keluar mengundi untuk menentukan masa depan Islam, negara dan umat. Sesiapa yang mengabaikannya dianggap berdosa, melanggar perintah dan suruhan Allah.2. Masa depan negara di tangan anda.3. Jangan melantik pemimpin yang khianat dan tidak amanah. Begitu juga Islam melarang menyokong pemimpin yang meminta jawatan dan mendapatkan jawatan melalui cara yang tidak baik dan tidak mampu berlaku adil.	27



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ الْخَيْلِ تُرْهَبُونَ بِهِ، عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَعَآخِرِينَ مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ ﴿٦٠﴾</p>	28
<p><i>"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya.</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Al-Anfal : 60).</i></p>	29
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	9
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونَ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُونَ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	11
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	12
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	16
<p>Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.</p>	17



اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	18
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢١﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21